

Islam Jati Diri Melayu dan Perkaitannya dengan Pembentukan Budaya

(Islam as Malay Identity and Its Relationship with Cultural Formation)

Kamarudin Hussin^{1*}, Bibi Noraini Mohd. Yusuf², Amalina Basir¹, Noridah Yangman¹

¹ Faizuddin Centre of Educational Excellence (FCoEE), Kangar, Perlis, Malaysia

² Universiti Malaysia Perlis, Perlis, Malaysia

* Pengarang Koresponden: kamarudin.hussin@faizuddincoe.com

Received: 15 January 2025 | Accepted: 13 February 2025 | Published: 30 March 2025

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpg.2025.7.1.4>

Abstrak: Islam sebagai jati diri orang Melayu sememangnya sinonim dan tidak dapat dipisahkan. Keduanya mempunyai perkaitan yang sangat positif. Ini kerana agama adalah faktor yang utama dalam pembentukan jati diri dan budaya dalam sesebuah tamadun manusia. Selain itu, agama juga adalah elemen utama yang membentuk budaya berdasarkan ajaran yang diterapkan dalam kehidupan seharian. Semua amalan seharian kehidupan adalah berasaskan suruhan Allah S.W.T dan sunnah Rasulullah S.A.W. Agama adalah merupakan satu cara hidup dan gaya pemikiran yang dibentuk berdasarkan perkara yang disuruh dan perkara yang dilarang. Amalan kehidupan berdasarkan pegangan agama ini diperturun dan diamalkan dari satu generasi ke satu generasi. Kertas penyelidikan ini ditulis adalah bertujuan untuk mengenalpasti elemen-elemen dalam ajaran Islam dan ilmu bidang sains sosial yang membentuk jati diri bangsa dan budaya dalam masyarakat. Penerokaan ini berdasarkan data sekunder iaitu dengan meneliti dan menganalisa kandungan jurnal-jurnal kajian lepas dan buku penulisan yang berkaitan dengan topik ini. Hasil penelitian daripada 25 sumber lepas didapati ajaran Islam menggariskan tiga elemen utama dalam pembentukan jati diri Melayu iaitu akidah, syariat dan akhlak. Manakala ilmu bidang sains sosial berkaitan antropologi pula menyatakan bahawa pembentukan budaya dan jati diri bangsa adalah berkaitan dengan kepercayaan (agama), nilai dan sikap. Hasil penulisan ini boleh dirujuk oleh pemegang taruh yang berkaitan dalam membangunkan garis panduan berkenaan dengan pembentukan jati diri bangsa.

Kata Kunci: Islam, Melayu, Jati Diri, Pembentukan Budaya, Cara Hidup dan Gaya Berfikir

Abstract: Islam as the identity of the Malays is indeed synonymous and inseparable. The two have a very positive relationship. This is because religion is a major factor in the formation of identity and culture in a human civilization. In addition, religion is also the main element that forms culture based on teachings that are applied in daily life. All daily practices of life are based on the commandments of Allah S.W.T and the sunnah of the Prophet S.A.W. Religion is a way of life and a style of thinking that is formed based on what is commanded and what is prohibited. The practice of life based on religious beliefs is passed down and practiced from one generation to another. This research paper was written with the aim of identifying elements in Islamic teachings and social science knowledge that form the identity of the nation and culture in society. This exploration is based on secondary data, namely by examining and analyzing the content of past research journals and writing books related to this topic. The

results of research from 25 past sources found that Islamic teachings outline three main elements in the formation of Malay identity, namely faith, syariat and morality. Meanwhile, the knowledge of the social sciences related to anthropology states that the formation of culture and national identity is related to beliefs (religion), values and attitudes. The results of this writing can be referred to by relevant stakeholders in developing guidelines regarding the formation of national identity.

Keywords: Islam, Malay, Identity, Cultural Formation, Way of Life and Style of Thinking

1. Pendahuluan

Islam sebagai jati diri Melayu boleh dilihat dari bermulanya perkembangan pendidikan orang Melayu di Malaysia. Sebelum kedatangan kolonial British, pendidikan orang Melayu Islam adalah terikat dengan pendidikan agama dan ajaran Islam. Catatan sejarah menunjukkan kehadiran pedagang dari Cina, Arab dan India ke kawasan nusantara pada awal abad ke 14 telah memelopori usaha penyebaran Islam melalui institusi pendidikan pondok dan institusi madrasah yang kemudiannya berkembang luas ke merata jajahan takluk kesultanan Melayu seperti di Melaka, Riau, Brunei, Kedah, Kelantan dan lain-lain kawasan. Pendidikan orang Melayu pada peringkat awal adalah berbentuk informal iaitu lebih kepada pengajian agama, sekolah pondok dan pengajian madrasah. Walau bagaimanapun, setelah kedatangan British, terdapat dua model utama yang diperkenalkan untuk sistem Pendidikan Malaysia iaitu dasar Pendidikan British di India dan Model England. Kedua-dua model ini diterap kepada dua golongan yang berbeza iaitu Model England untuk golongan bangsawan atau Melayu elit manakala dasar Pendidikan British di India pula diterapkan kepada orang awam (Zon, 1989).

Menurut Sanusi (1955) pendidikan awal orang Melayu juga dikenali sebagai sekolah bumiputera dan lebih tertumpu kepada pembelajaran Al-Quran dan menulis pelajaran berkaitan agama dengan guru-guru yang dipilih oleh ibu bapa pada ketika itu. Kemasukan Islam di Melaka dilihat titik permulaan pendidikan orang Melayu dengan menjadikan ajaran Islam sebagai panduan dan diasimilasikan dalam pegangan hidup beragama kerana kehidupan orang Melayu pada ketika itu banyak dipengaruhi kepercayaan animisma, Hindu dan Buddha. Dengan penyebaran agama Islam yang semakin pesat konsep pendidikan orang Melayu bermula dengan pengajian Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah di surau, balai, masjid dan institusi guru-guru agama. Manakala istana pula menjadi puncak pengajian tertinggi dan kegiatan intelektual, politik dan kebudayaan. Penemuan Batu Bersurat di Terengganu pada abad ke 14 juga merupakan bukti perkembangan intelektual berlaku pada ketika itu di mana Batu Bersurat tersebut mencatatkan hal-ehwal berkaitan undang-undang yang ditulis dalam Bahasa Melayu dan tulisan jawi (Fatimi, 1963).

Terdapat tiga perkara asas dalam pembentukan Islam sebagai jati diri Melayu iaitu Akidah, Syariah dan Akhlak. Tiga perkara utama ini adalah pembentukan nilai-nilai murni jati diri dalam tingkah laku umat Islam. Selain itu, ia juga adalah tunggak utama pembentukan budaya, norma, kepercayaan, adat dan cara hidup masyarakat Melayu. Hasil dapatan kajian lepas menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara Islam dan jati diri masyarakat Melayu (Ismail, Stapa dan Suhaimi, 2012). Nilai-nilai Islam yang wujud dalam jati diri Melayu ini perlu terus dipelihara agar tidak terhakis dengan cabaran semasa dan usaha pemeliharaan nilai ini perlu berterusan dan konsisten untuk generasi yang akan datang. Sememangnya Islam dan Melayu adalah sinonim dan tidak dapat dipisahkan dalam konteks Malaysia. Walaupun Malaysia mempunyai pelbagai latar belakang etnik namun ia tidak menjejaskan pemeraksanaan

nilai Islam dalam jati diri dan kehidupan seharian umat Islam di negara ini. Menurut Rahimin (2005), pemerkasaan nilai Islam dalam kehidupan orang Melayu bermula apabila ajaran Islam mula menapak di Tanah Melayu. Malah masyarakat Melayu mempunyai pendidikan dan intelektual yang baik sebelum kedatangan penjajah Barat. Setelah kedatangan penyebaran agama Islam di Tanah Melayu, bangsa Melayu telah menemui satu jati diri yang kukuh iaitu agama Islam dan dipegang sehingga ke hari ini.


2. Sorotan Literatur

Islam dan jati diri Melayu adalah saling berkaitan kerana elemen asas dalam Islam yang di praktikkan setiap hari telah sebatikan dalam diri orang Melayu. Akidah, syariat dan akhlak telah melatari sejarah Islam kerana telah membentuk satu sistem kepercayaan masyarakat yang diperturunkan dari dahulu hingga ke hari ini. Tiga elemen asas ini juga telah membentuk perilaku dan sahsiah yang baik dalam kalangan orang Melayu yang mengamalkannya. Elemen asas ini juga telah mencorak peradaban manusia dalam sejarah orang Melayu. Ini juga sekaligus membentuk karektor melalui lambang identiti diri sesuatu bangsa. Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan mudah difahami telah menjadi pilihan orang Melayu semenjak bermulanya perkembangan Islam di Tanah Melayu.

Ajaran Islam dan Perkaitannya dengan Pembentukan Jati Diri Melayu

Kesempurnaan Agama Islam dilihat menerusi peraturan hukum-hakam yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T menerusi nas Al-Quran dan nas yang diambil dari sunnah Rasulullah S.A.W. Sudah pasti segala peraturan Allah S.W.T dan sunnah rasulNYA ini adalah bertujuan untuk memastikan manusia dapat menjalani kehidupan mereka di landas yang betul ketika berada di dunia seterusnya mendapat rahmat Allah dan balasan syurga di alam akhirat kelak. Menurut Ahmad & Mohd Farid (2008), hukum syarak terbahagi kepada 3 perkara yang utama iaitu akidah, syariat dan akhlak. Ketiga-tiga perkara asas dalam ajaran Islam ini menjadi benteng dan pembentukan jati diri Melayu. Bermula dengan penekanan kepada keteguhan iman, hati dan jiwa manusia supaya mempunyai akidah yang baik untuk membina kekuatan keperibadian melalui iman. Ketinggian dan keutuhan iman seseorang yang yakin dan percaya bahawa tiada tuhan selain Allah dan nabi Muhammad itu pesuruh Allah dapat dizahirkan dengan mengamalkan apa yang diperintah oleh Allah S.W.T dan meninggalkan laranganNYA. Penerapan akidah yang baik dalam diri seseorang dapat melahirkan keperibadian yang cemerlang dan unggul.

Agama Islam sentiasa menuntut penganutnya sentiasa taat dan menyerah kepada perintah Allah dan rasulNYA dan menjauhi perkara-perkara yang ditegah. Islam adalah satu cara hidup yang lengkap dan sempurna buat umat sejagat. Islam tidak memisahkan agama dari kehidupan seharian malah ajaran Islam mencakupi keseluruhan aspek kehidupan baik dari segi keperluan spiritual, ekonomi, politik, sosial dan sebagainya. Abu Bakar, Mohd. Taher dan Yusof (2021) menyatakan bahawa Islam adalah ketundukan seorang hamba kepada wahyu Ilahi yang diturunkan kepada para nabi dan rasul khususnya Nabi Muhammad S.A.W untuk dijadikan pedoman hidup dan juga sebagai hukum atau aturan oleh Allah S.W.T yang dapat membimbing umat manusia ke jalan yang lurus, menuju kebahagiaan dunia dan akhirat.



Rajah 1: Elemen Pembentukan Jati Diri Menurut Perspektif Islam

Jati diri juga didasari oleh pembentukan identiti bangsa dari segi agama, budaya, adat, tradisi dan bahasa. Oleh yang demikian, pemerksaan identiti dalam diri orang Melayu bermula sejak dari kecil lagi. Jika tidak dipupuk dari pendidikan awal anak-anak maka gejala keruntuhan moral dan akhlak akan berleluasa dalam masyarakat. Sekiranya, penekanan berkenaan jati diri Melayu ditiupkan dalam jiwa anak-anak dari peringkat awal, maka kekaguman mereka kepada budaya Barat yang jauh menyimpang dari budaya dan adat resam Melayu dapat ditangkis. Kadangkala kelunturan jati diri anak muda masa kini berlaku kerana ketiadaan jati diri yang kental dalam diri masing-masing sekaligus wujudnya pemikiran dan fenomena dalam kalangan orang Melayu yang menganggap keistimewaan masyarakat luar lebih baik berbanding masyarakat sendiri sama ada dari segi cara berfikir dan cara menjalani kehidupan seharian. Menurut Zaharani (2011), faktor utama yang membentuk dan meresap ke jiwa manusia dalam pembentukan jati diri ialah agama kerana agama memberi panduan yang jelas dalam menjalani kehidupan di dunia ini.

Dalam dunia globalisasi pada masa kini pengetahuan dan maklumat kian menjadi semakin tanpa sempadan disebabkan perkembangan teknologi yang canggih. Keadaan ini dikhuatiri akan mengakibatkan jati diri bangsa Melayu kian terhakis kerana pengaruh luar yang begitu kuat. Oleh yang demikian, penerapan norma murni, akhlak mulia dan pegangan agama yang kuat perlu disemai sejak dari pendidikan awal orang Melayu. Pendidikan yang bersifat holistik tidak dapat dipisahkan daripada penerapan nilai-nilai murni dan akhlak yang baik dalam konteks hubungan tersebut. Penekanan Islam dalam pendidikan yang bersepadu adalah bertujuan untuk melahirkan kecemerlangan peradaban dan membangunkan modal insan yang dinamik serta mantap dari segi ilmu, iman, akhlak dan amal (Asmawati, 2005).

Bagi mewujudkan jati diri Melayu yang mendalam, semua pihak perlu menggembelng tenaga termasuklah ibu-bapa, guru-guru dan masyarakat secara keseluruhannya. Mohamad, Che Noh dan Jamsari (2019) menekankan bahawa terdapat asas psikologi yang perlu diamalkan oleh ibu-bapa dalam proses mendidik dan menerap jati diri anak-anak antaranya ialah:

- i. Bersifat manja dan ingin selalu dimanja dan dibelai;
- ii. Sentiasa inginkan perhatian daripada kedua-dua ibu bapanya;
- iii. Tidak suka paksaan dan gemarkan pujukan;
- iv. Gembira dan bersemangat jika diberi ganjaran setelah melakukan sesuatu yang diminta oleh ibu bapa; dan
- v. Gemarkan pujian dan penghargaan.

Justeru, semua pihak perlu bekerjasama untuk menerapkan suruhan agama dalam jiwa anak kecil dengan pendekatan psikologi yang betul supaya elemen ini menjadi jati diri yang utuh untuk mereka menjalani kehidupan seharian. Jati diri yang utuh dapat mengelakkan anak-anak terpesong hidup ke arah yang tidak baik. Sebaliknya akan menjadi benteng kepada mereka dalam mendepani cabaran budaya pada masa yang akan datang.

Jati Diri dan Pembentukan Budaya Bangsa

Budaya membentuk jati diri manusia mengikut kepercayaan yang diikuti. Budaya juga boleh diertikan sebagai nilai, norma, gelagat, kepercayaan dan cara hidup manusia di dunia ini. Agama yang mempunyai elemen tuhan, simbol dan ritual serta amalan yang diturunkan dari sesuatu generasi akan membentuk jati diri, cara hidup dan gaya berfikir manusia (Emeng dan Okafor, 2022). Sememangnya budaya mempengaruhi tingkah laku dan manusia berfikir dalam kehidupan seharian. Selain itu, budaya juga dimanifestasi dalam bentuk agama, bahasa, sastera, seni, adat resam, makanan dan pakaian (Amoah, 2021). Budaya biasa disebut dan dibincangkan apabila digunakan untuk menggambarkan sesuatu suku atau etnik (ilmu antropologi), budaya negara (ilmu sains politik, sosiologi dan pengurusan) serta budaya organisasi (ilmu sosiologi dan pengurusan). Elemen dalam budaya itu sendiri mempunyai kecenderungan yang besar untuk membentuk kelompok negara yang berbeza dan oleh kerana ini budaya boleh digunakan untuk membezakan bangsa. Hofstede (2011) telah memperkenalkan 6 dimensi budaya berkenaan nilai manusia di tempat kerja dan lebih cenderung ke arah penilaian budaya untuk pembuatan keputusan, walau bagaimanapun menurut penyelidik ini jati diri seseorang turut dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti personaliti individu, latarbelakang sejarah keluarga dan kekayaan peribadi.

Dalam konteks Malaysia amnya dan Perlis khususnya, proses pembentukan jati diri dan budaya memerlukan perancangan yang terperinci kerana melibatkan cara hidup terutama dalam pengaruh kepelbagaian etnik dan bangsa baik dalam mahupun luar negara. Dalam hal ini, Islam sebagai agama rasmi negara memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan setiap amalan dan tindak tanduk individu. Justeru penekanan ajaran dan cara hidup Islam adalah paling penting untuk pembentukan jati diri dan budaya bangsa selain Perlembagaan dan Rukun Negara yang telah dibangunkan. Mohd. Zabidi dan Wan Abdullah (2021) dalam kajian mereka menyatakan bahawa jati diri seseorang banyak di pengaruhi oleh dua faktor yang utama iaitu faktor manusia dan persekitaran sosial seperti ibu bapa, guru-guru, rakan sebaya dan pengaruh masyarakat sekeliling serta faktor bukan manusia iaitu merujuk kepada media termasuklah media tradisional dan media baharu (medsos) yang mempengaruhi pembacaan, pendengaran dan isi kandungan yang dilihat akan mempengaruhi kognitif, sosial dan emosi individu.

Dewasa ini dengan pendedahan dunia tanpa sempadan akibat perkembangan teknologi yang pesat, golongan kanak-kanak dan remaja mahupun dewasa mudah dipengaruhi dengan kandungan yang diikuti. Gejala ini jika tidak dibendung akan menyebabkan mereka terjebak dengan perkara yang tidak baik sekaligus menghakis jati diri dan sifat mulia dan positif dalam diri orang Melayu. Kanak-kanak, remaja dan golongan dewasa yang gagal berfikir secara waras akan mudah untuk mencuba sesuatu yang baharu atau mudah terikut dengan tren terkini yang tular di medsos. Oleh yang demikian, pembentukan jati diri yang unggul dalam kalangan mereka adalah satu proses bersama semua pihak agar kembali berpegang teguh pada ajaran Islam yang sebenarnya. Pemahaman kepada cara hidup yang diredhai dan berakhlak mulia dapat mewujudkan generasi cemerlang dan membentuk identiti nasional atau tamadun terbilang di masa hadapan. Selain itu, generasi yang dibentuk ini juga akan mempunyai pegangan kepada prinsip Islam yang utuh, mempunyai semangat patriotisme yang tinggi,

menghormati di antara satu sama lain dan sanggup mempertahankan agama, budaya, bangsa dan negara dalam pelbagai keadaan.


Keputusan Penerapan Islam dalam Jati Diri

Pembentukan jati diri berlandaskan ajaran Islam dapat memupuk dan mendidik individu dari segi fizikal dan spiritual sesuai dengan peranan manusia sebagai khalifah di muka bumi ini. Menurut Abd. Majid et. al (2023), Rasulullah S.A.W adalah contoh teladan pembinaan jati diri yang memberi tumpuan kepada pembangunan aspek fizikal dan spiritual. Kekuatan kedua elemen ini perlu seimbang di mana kekuatan keimanan dalam menjalani ibadah ditambah dengan tubuh badan yang sihat membolehkan individu bergerak cergas dalam menyampaikan perkara yang baik untuk kesejahteraan umat keseluruhannya. Individu yang telah mempunyai jati diri dengan penerapan Islam sudah pasti akan membantu perkembangan jati diri yang sama kepada orang lain. Ini kerana setiap individu baik lelaki mahupun perempuan adalah pemimpin. Kepimpinan ini adalah bermula dari rumah iaitu sebagai ibu bapa yang menjadi pemimpin rumahtangga. Seterusnya di peringkat yang lebih luas ialah sebagai pemimpin dalam organisasi atau yang lebih besar pemimpin di peringkat negara. Keperibadian yang baik sebagai pemimpin ini akan membentuk mereka yang dipimpin.

Pembentukan bangsa melalui pemahaman nilai-nilai Islam sebagai jati diri juga berkait rapat dengan pembangunan insan. Menurut Kamarul Azmi Jasni (2016), jasmani, rohani, emosi dan intelek adalah empat elemen utama dalam diri seseorang yang perlu dibentuk berdasarkan ajaran Islam. Secara hakikatnya, penerapan pembangunan insan ini perlu diterap sejak zaman kanak-kanak lagi. Antara komponen utama yang perlu ditanam dalam jiwa kanak-kanak ialah pegangan yang utuh pada ajaran Islam seperti solat, menutup aurat, berkomunikasi menggunakan perkataan yang baik serta berakhlak mulia. Faizatul Najihah Mohd Azaman dan Faudzinaim Badaruddin (2015) menyatakan bahasa salah satu cara untuk menerapkan pembangunan insan yang baik ialah dengan menerapkan nilai-nilai kerohanian yang baik. Manusia perlu dibimbing dan diberi garis panduan seperti yang telah digariskan oleh ajaran Islam agar kehidupan harian mereka tidak tersasar dan mengutamakan ilmu pengetahuan baik ilmu duniawi mahupun ilmu agama (Khairul Hamimah Mohammad Jodi & Nurul Husna Mansor, 2016).

Budaya dan Jati Diri dari Perspektif Ilmu Sains Sosial

Budaya dalam bidang sains sosial sering dikaitkan dengan teori 'iceberg culture' yang diperkenalkan oleh seorang antropologis bernama Edward T. Hall pada tahun 1976. Menurut Hall (1976), budaya adalah hampir sama dengan 'iceberg' iaitu hanya 10% sahaja budaya luaran di atas permukaan yang dapat dilihat dengan jelas oleh majoriti masyarakat manakala 90% elemen budaya dalaman tersembunyi di bawah permukaan. Konsep analogi 'iceberg' ini menunjukkan bahawa nilai kepercayaan dan agama adalah pegangan yang mendalam dan perkara asas ini melibatkan penerapan kepercayaan dan nilai tertentu.



Rajah 2: Iceberg Culture Model Edward T. Hall

Pemahaman masyarakat berkenaan budaya sebenarnya perlu melangkaui elemen yang dilihat oleh mata kasar sahaja serta perlu dipupuk. Dengan memahami bahawa terdapatnya elemen lain yang lebih penting dalam pembentukan budaya seperti kepercayaan (agama), nilai dan sikap akan dapat membantu individu untuk mendekati budaya lain dengan rasa lebih hormat dan sensitif. Menurut Hall (1976) lagi, kaedah untuk memahami sesuatu budaya secara lebih mendalam adalah dengan kaedah mendekati dan mengambil bahagian dalam cara kehidupan harian budaya tersebut.

Budaya hanya sering dilihat seperti perkara-perkara yang jelas di mata kasar seperti gelagat perilaku, adat, bahasa, pakaian, makanan, tradisi, tarian, muzik dan seni. Walau bagaimanapun, terdapat komponen yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar jauh lebih penting dalam pembentukan budaya yang dikenali sebagai kepercayaan (agama), nilai dan sikap. 'Iceberg Model' memberikan sekilas pandang berkenaan dengan budaya dan menekankan berkenaan dengan pemahaman yang lebih dalam adalah perlu untuk penerokaan lapisan tersirat dalam pembentukan budaya masyarakat. Berdasarkan model di Rajah 2, elemen di bawah permukaan air secara analoginya adalah nilai teras budaya. Elemen inilah yang paling penting diterapkan kepada masyarakat iaitu berkenaan dengan apa yang baik, betul, wajar, keburukan, nilai-nilai yang perlu dijauhi dan tidak diingini. Elemen-elemen ini akan membentuk tatacara kelakuan, komunikasi dari segi penggunaan perkataan yang baik dan cara masyarakat bertindak balas dengan undang-undang yang telah digubal.

3. Kaedah Kajian


Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menganalisa kandungan data sekunder. Penyelidik telah merujuk jurnal lepas yang berkaitan tajuk penyelidikan ini. Menurut Frankael dan Wallen (1993), antara dokumen yang boleh dirujuk dalam proses pengumpulan data kualitatif ialah diari, jurnal, buku, laporan tahunan, gambar dan minit mesyuarat. Dokumen yang diperolehi ini dianalisa untuk membangunkan tema-tema berdasarkan objektif kajian ini iaitu untuk mengenalpasti elemen dalam ajaran Islam dan ilmu bidang sains sosial yang membentuk jati diri bangsa dan budaya dalam masyarakat. Faktor yang berulang dikupas

sebagai hasil kajian dan penulisan dalam buku telah dikelaskan mengikut tema oleh penyelidik. Menurut Jasmi (2012), pengumpulan data kualitatif boleh dilaksanakan dalam bentuk temubual, pemerhatian dan analisis dokumen.

Kajian kualitatif sesuai diaplikasikan bagi kajian ini kerana objektif kajian ini adalah untuk memahami fenomena elemen pembentukan jati diri Melayu. Selain itu, pengumpulan data berbentuk teks dan imej sangat bersesuaian dengan kaedah kualitatif. Data yang dikumpul melalui kaedah kualitatif ini adalah bersifat pengumpulan data awal berkenaan topik yang dikaji. Untuk tujuan generalisasi, kajian kuantitatif yang melibatkan data statistik perlu dilaksanakan di masa hadapan. Bagi penyelidikan ini, kajian kualitatif dijalankan untuk mendapatkan kefahaman awal yang mendalam terhadap elemen pembentukan jati diri Melayu dan perkaitannya dengan agama Islam dan budaya. Justeru, kajian kualitatif adalah kaedah yang paling sesuai untuk mendapat maklumat terperinci berkaitan perkara yang dikaji ini.

4. Hasil Kajian

Hasil penelitian kajian lepas sebanyak 25 sumber termasuk jurnal akademik untuk penghasilan kertas penyelidikan ini dapat disimpulkan bahawa literatur lepas baik dalam bidang agama mahupun sains sosial sememangnya menyatakan bahawa budaya terbentuk dari agama (kepercayaan atau nilai). Agama juga akan membentuk cara hidup, cara berfikir dan kelakuan tamadun manusia. Pembentukan bangsa memerlukan semua pihak untuk berperanan contohnya seperti pemerintah, ibu bapa, guru-guru dan masyarakat sekeliling.



Rajah 3: Komponen Pembentukan Jati Diri Melayu

Keunggulan pembinaan tamadun dan pembentukan budaya yang cemerlang sangat bergantung kepada penghayatan terhadap nilai-nilai agama dan budaya. Jati diri terbentuk dari ajaran Islam adalah signifikan dengan kajian oleh Hamid, Yahya dan Kila (2021) yang menyatakan bahawa rangka pembudayaan terutama dalam kalangan orang Melayu yang beragama Islam mestilah berteraskan agama, pendidikan, budaya, etika kerja serta prinsip-prinsip yang paling dekat

dengan jiwa orang Melayu iaitu Islam itu sendiri. Ali (2022) juga menyatakan bahawa Islam telah membentuk jati diri Melayu melalui proses asimilasi daripada adat dan kepercayaan lama yang berdasarkan animisma dan pengaruh Hindu dan Budha kepada nilai-nilai yang diajar dalam Islam. Ghazali, Abd. Hamid, Zakaria dan Abdul Ghani (2020) dalam kajian mereka juga turut menyatakan bahawa Agama Islam sebagai agama dan sistem kepercayaan adalah teras kepada jati diri bangsa Melayu meliputi akidah, syariat dan akhlak.

Penerapan kepercayaan, nilai dan sikap sebagai satu budaya perlu diterap di peringkat awal perkembangan individu. Berdasarkan hasil kajian ini iaitu berkenaan pembentukan nilai yang baik untuk jati diri adalah signifikan dengan kajian lepas oleh Mohamad, Che Noh dan Jamsari (2020) yang mendapati pembentukan keperibadian mulia seorang kanak-kanak termasuk agama, bahasa dan budaya perlu bermula dari institusi keluarga yang menyediakan pendidikan, baik secara informal atau formal, ilmu agama, akhlak dan nilai-nilai murni. Jati diri yang bertunjangkan Islam adalah penting dalam diri kanak-kanak malah golongan dewasa Melayu Islam kerana penerapan elemen jati diri Melayu yang sebenar juga bertindak sebagai benteng diri. Tambahan pula hidup di zaman globalisasi dan budaya yang bersifat anjal akibat peredaran zaman maklumat tanpa sempadan menjadikan kehidupan seharian semakin mencabar.

5. Kesimpulan

Islam adalah jati diri Melayu. Ini terbukti daripada dapatan kajian penyelidikan ini seperti yang telah dibincangkan. Dari perspektif Islam, jati diri Melayu terbentuk dari ajaran Islam berkaitan dengan akidah, syariat dan akhlak. Kepercayaan kepada Allah dan RasulNYA telah ditransformasikan dalam bentuk amalan kehidupan seharian. Hasil ajaran Islam, orang Melayu mempraktikkan perkara yang disuruh oleh agama dan meninggalkan perkara yang dilarang. Penghayatan kepada ajaran Islam dalam amalan setiap hari melahirkan insan yang berakhlak mulia.

Manakala dalam ilmu bidang sains sosial pula menekankan bahawa agama kepercayaan, nilai dan sikap seseorang. Sudah pasti 3 elemen utama ini mempunyai persamaan dengan elemen seperti yang telah disaran dalam Islam iaitu akidah, syariat dan akhlak. Pemahaman dan penghayatan elemen yang diamalkan ini akan membentuk jati diri Melayu yang kuat. Sistem kepercayaan dan amalan kehidupan berdasarkan elemen-elemen asas ini dapat menangkis budaya luar yang semakin menular dalam kalangan masyarakat Melayu. Pendedahan kepada maklumat hasil perkembangan teknologi pada masa kini memudahkan orang Melayu terpengaruh dengan budaya asing.

Hasil kajian ini boleh dimanfaatkan oleh pemegang taruh yang berkepentingan dalam penerapan awal elemen asas pembentukan jati diri Melayu. Elemen-elemen ini perlu diserapkan dalam pendidikan awal kanak-kanak supaya mereka faham asas jati diri Melayu ialah agama Islam. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya melibatkan penelitian dan analisa sebanyak 25 dokumen berkenaan topik Islam jati diri Melayu dan elemen dalam pembentukan budaya. Pada masa hadapan kajian perlu melibatkan temubual pakar dan kutipan data kauntitatif berkenaan penghayatan jati diri Melayu dalam kalangan masyarakat Melayu supaya hasil kajian boleh digeneralisasikan kepada konteks jati diri Melayu secara keseluruhannya.

Rujukan

Abu Bakar, S., Mohd. Taher, M. S. I., & Yusof, S. A. (2021). Asas kefahaman Islam dalam realiti semasa. Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah.

- Ahmad Mohd Salleh & Mohd Farid Hafidz Ahmad. (2008). *Islam Agama Rabbani: Dasar Pendidikan Islam Teras untuk KPLI & PPISMP*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Ali, K. K. (2022). A discourse on the Malay cultural identity within the Malaysian society. *Kajian Malaysia*, 40(1), 2022, 83–107.
- Amoah, H. (2021). The Impact of Religion Views on Culture and Values. Diambil dari pada: <https://cldv100.commons.gc.cuny.edu/wp-content/blogs.dir/16021/files/2018/10/Amoah-Final-Paper.pdf>
- Asmawati Suhid. (2005). Pengajaran Adab dan Akhlak Islam Dalam Membangunkan Modal Insan. *Jurnal Pengajian Umum*, 8, 167-171.
- Emeng, G. I. & Okafor, J. O. (2022). Religious and cultural influences: An exposition. *International Journal of Humanities and Innovation (IJHI)* 5(4), 2022, pp. 160-166.
- Faizatul Najihah M. A., & Faudzinaim B. (2015). Nilai-nilai pembangunan modal insan menurut Al-Ghazali. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 3(1).
- Fatimi, S. Q. (1963). *Islam Comes to Malaysia*, Singapore. Malaysian Sociological Research Institute.
- Fraenkel, J. R. & Wallen, N. E. (1993). *How To design and Evaluate Research in Education*. New York: McGraw-Hill.
- Ghazali, N., Abdul Hamid, Z. K., Zakaria, N. & Abdul Ghani, N. I. (2020). *Pemeriksaan jati diri Melayu melalui karya-karya Hamka dalam mendepani arus globalisasi. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) – Dalam Talian 24 & 25 November 2020*. e-ISBN: 978 967 2122 78 4.
- Hall, E. T. (1976). *Beyond Culture*. Diambil secara atas talian, 15 Mei 2024, https://agilityportal.io/images/easyblog_articles/185/iceberg_model_3.pdf.
- Hamid, S. A., Yahya, M. A. & Kila, N. A. (2021). *Pembangunan Mapan Dan Keutuhan Jati Diri Dalam Masyarakat Melayu-Islam: Islamisasi Ilmu Sebagai Penyelesaian*. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 4(13), 125-134.
- Hofstede, G. (2011). *Dimensionalizing cultures: The Hofstede model in context*. Diambil daripada pembacaan atas talian dalam *Budaya dan Psikologi*. <http://scholarworks.gvsu.edu/orpc/contents.html>.
- Ismail, A. M., Stapa, Z., & Suhaimi, S. A. (2012). *Islam dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu*. *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012), 143-154.
- Jasmi, K. A. (2012). *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif*. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri*, 1(2012), 28-29. Available from: https://www.researchgate.net/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif [accessed May 26 2024].
- Kamarul Azmi J. (2016). *Pembangunan Insan daripada Perspektif Islam*. Dalam Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam (Edisi Pertama ed.)*. Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendiakiawan Pendidikan Islam Malaysia (AIES).
- Khairul Hamimah M. J., & Nurul Husna, M. (2016). *Persepsi keberkesanan penerapan nilai-nilai Islam dalam program pembangunan wanita bermasalah*. Kuala Lumpur: *Penyelidikan Semasa dalam Pengajian Islam*.
- Majid, M. A., Usman, A. H., Azizan, N. I., Mohd Haridi, N. H., Mohamad, N., Ismail, Z., & Abdul Rahman, A. H. (2023). *Pembangunan Jati Diri Insan Menurut Perspektif Hadis*. *HADIS*, 13(26), 38-50. <https://doi.org/10.53840/hadis.v13i26.230>.
- Mohamad, C. N. & Jamsari (2019). *Jati Diri Kanak-Kanak Melayu-Islam Menerusi Pendidikan Awal*. Seminar Tamadun, Etnik dan Turath Islami (i-STET) 2019.

- Mohamad, A., Che Noh, N., & Jamsari, E. A. (2020). Jati Diri Kanak-Kanak Melayu-Islam Menerusi Pendidikan Awal: Malay-Muslim Children Identity through Early Education. *Sains Insani*, 5(2), 98-106.
- Mohd. Zabidi, A. Z. & Wan Abdullah, W. N. (2021). Faktor persekitaran sosial dalam pembentukan jati diri Hamka (1908-1981) menurut autobiografi kenag-kenangan hidup (1951). *Al-Hikmah*. 13(1), 72-96.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. (2005). Citra Islam dalam pembentukan manusia melayu moden di Malaysia: satu analisa. Dlm. *Jurnal Pengajian Melayu (Jilid 15)*. Penerbit: Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Sanusi, M. (1955). *Sejarah Perkembangan Pelajaran Melayu*. Jabatan Persuratan Kesatuan Persatuan Guru-Guru Melayu Semenanjung.Pulau Pinang. Sinaran Brash.
- Stapa, Z., Yusuf, N., & Shahrudin, A. F. (2012). Islam asas pembentukan jati diri bangsa Melayu-Muslim. *Jurnal Hadhari Special Edition (2012)*, 129-141.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. (2005). Citra Islam dalam pembentukan manusia melayu moden di Malaysia: satu analisa. Dlm. *Jurnal Pengajian Melayu. (Jilid 15)*. Penerbit: Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohamed, Harishon Radzi & Mohd Shabri Yusof. (2011). Pemeriksaan Jati Diri Bahasa Melayu: Isu Penyerapaian Kata Asing (Empowerment and Configuration Malay language Identity: Infiltration of Foreign Vocabularies Issue). *Jurnal Melayu*. 6: 13-27.
- Zon, K. (1989). Perbandingan Matlamat Pendidikan dalam Situasi Pendidikan Dualistik. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan (Jilid 10)*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.